


DEKLARASI 1 MEI 2021 – JAMINAN KERJA, VAKSIN KEHIDUPAN



□ COVID-19, Darurat, Krisis Ekonomi terus menjadi cabaran terbesar semasa kita menyambu hari keramat kaum pekerja – 1 Mei 2021.

□ Kesan COVID-19 bukan sekadar krisis kesihatan awam, malah ia juga ialah krisis ekonomi, krisis jaminan kerja, krisis pengangguran, krisis jaminan makanan dan krisis kelaparan.

□ Kaum pekerja sektor informal, pekerja migran dan pelarian berhadapan dengan pemberhentian kerja secara berleluasa, pemotongan gaji bermaharajalela, diskriminasi dan pengurangan kerja secara mendadak, secara paksa dan secara zalim.

□ Di sebalik pandemik ini, kaum kapitalis terus mencatatkan keuntungan dan kaum

pemerintah terus berselindung di belakang darurat. Untuk kaum pekerja, Jaminan Kerja menjadi Vaksin Kehidupan, ia menjadi vaksin untuk mereka terus hidup, menyara keluarga dan menjamin kehidupan berterusan di bawah cabaran.

□ Jaminan kerja ialah hak yang dilindungi di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Perisytiharan Hak Asasi Sedunia. Ia adalah vaksin untuk pekerja terus hidup.

Maka, sempena dengan Hari Pekerja tahun 2021 yang luar biasa ini, Kami mengetengahkan 15 tuntutan-tuntutan seperti di bawah:

1

. KERAJAAN HARUS WUJUDKAN SKIM JAMINAN PEKERJAAN

- Wujudkan projek-projek kemudahan awam yang diperlukan, benarkan tanah terbiar untuk diusahakan dan ambalalih kilang-kilang yang telah bankrap.
- Perkenalkan skim pendapatan asas RM1,000 sebulan kepada keluarga yang langsung tiada punca pendapatan.
- Hapuskan sistem kontrak dan gantikannya dengan pekerjaan tetap untuk mengekalkan jaminan kerja.
- Membuat pindaan terhadap undang-undang buruh dan PERKESO untuk beri perlindungan kepada pekerja di bawah ekonomi gig.
- Reformasi Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) supaya semua pekerja dapat menikmati faedah pada waktu kehilangan pekerjaan tanpa syarat yang membebankan.
- Laksanakan Jaminan Perlindungan Sosial Sejangat untuk Semua termasuk Skim Pencen, Kemudahan untuk Golongan Warga Emas dan juga Jaminan Hak Bekerja bagi Orang Kurang Upaya (OKU)
- Wujudkan Jawatankuasa COVID-19 di tempat kerja yang diwakili oleh majikan,

pekerja dan kesatuan untuk pastikan semua prosedur KKM diikuti secara ketat.

2

. BATALKAN PROKLAMASI DARURAT DAN PULIHKAN PARLIMEN

Undang-undang kawalan kesihatan yang sedia ada sudah cukup menjamin pematuhan SOP semasa pandemik COVID-19. Demokrasi, kebebasan dan hak rakyat harus dilindungi dan dipelihara.

3.

HAK KESIHATAN KEPADA SEMUA

Tingkatkan dan perkasakan hospital kerajaan. Berikan lebih dana untuk kekalkan perkhidmatan yang terbaik dan percuma. Kawal dan memiliknegerakan hospital swasta untuk mencapai aspirasi kesihatan terbaik bagi semua tanpa diskriminasi. Elaun khas bagi pekerja barisan hadapan hospital perlulah menyeluruh dan meliputi semua pekerja, termasuk pekerja kontrak pembersihan dan pengawal keselamatan.

4.

JAMIN HAK PEKERJA MIGRAN DAN HENTIKAN TANGKAPAN MIGRAN DAN PELARIAN.

Iktiraf hak kerja bagi pelarian dan pencari suaka. Berikan perlindungan yang saksama dan mencukupi kepada pekerja migran tanpa eksploitasi. Hentikan semua penangkapan atau penghantaran balik secara paksaan terhadap pekerja migran dan pelarian, dan berikan jaminan kepada mereka mendapat akses untuk rawatan kesihatan.

5.

HAK KESATUAN SEKERJA

Hormati semangat keharmonian industri dengan memperkasakan kesatuan sekerja.

Pembentukan kesatuan sekerja harus diutamakan dan dipermudahkan untuk menjamin hak dan kebajikan pekerja terjamin.

6.
HENTIKAN DISKRIMINASI BERASASKAN GENDER DAN ORIENTASI SEKSUAL SERTA STATUS HIV. JAMIN HAK PEKERJA WANITA & HAK KANAK-KANAK

Hentikan segala bentuk diskriminasi dan gangguan terhadap wanita, termasuk transgender dan individu HIV + di tempat kerja. Kuatkuasakan Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW); gubal Akta Kesamarataan Gender (Gender Equality Act) dan Akta Gangguan Seksual. Kami juga menyeru Kerajaan Malaysia untuk meminda Akta Kerja 1955, supaya pekerja domestik diiktiraf sebagai pekerja di bawah Jadual Pertama. Kerajaan harusindungi dan tunaikan hak kanak-kanak mengikut Konvensyen Hak Kanak-Kanak.

7.
HAK ORANG ASAL/ASLI

Iktiraf Hak Tanah Adat Orang Asal di Malaysia dan berikan hak milik kekal serta kukuhkan status tanah Rizab Orang Asal/Asli di Malaysia (Semenanjung, Sabah dan Sarawak). Rancangan pembangunan tanah Orang Asal hendaklah berasaskan kehendak, keperluan dan aspirasi masyarakat Orang Asal/Asli.

8.
PERUMAHAN SELESA DAN HENTIKAN PENGUSIRAN PAKSA

Laksanakan Skim Perumahan Rakyat pada harga yang mampu dibeli, lokasi strategik dan

selesa. Manakala moratorium terhadap sebarang pengusiran semasa COVID-19 harus dikuatkuasakan.

9.

HAK BERTANI DAN JAMINAN MAKANAN

Hentikan pengusiran petani dan penternak dari tanah yang diusahakan mereka.

Iktiraf dan berikan geran tanah kepada mereka yang telah lama bertani demi

menjamin keupayaan pengeluaran makanan tempatan.

10.

KAWAL HARGA BARANG

Kawal kenaikan harga barang dan perkhidmatan keperluan harian, dan kembalikan

semula pemberian subsidi kepada rakyat secara berkesan.

11.

JAMIN KEBEBASAN MEDIA DAN MANSUHKAN ORDINAN ANTI-BERITA PALSU, POCA, POTA , SOSMA DAN AKTA HASUTAN (1948)

Akta Penerbitan dan Mesin Cetak yang menyekat kebebasan media harus dimansuhkan. Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia yang menyekat kebebasan rakyat bersuara harus dimansuhkan. Semua akta yang membenarkan penahanan tanpa bicara harus dimansuhkan.

12.

HAK PELAJAR

Mansuhkan AUKU, Akta 174, PTPTN, PTPKN dan semua akta yang mengongkong kebebasan akademik mahasiswa dan pensyarah. Berikan pendidikan percuma kepada semua pelajar, termasuk kanak-kanak migran dan pelarian.

13.

HENTIKAN PENSWASTAAN PERKHIDMATAN ASAS

Air, elektrik, kesihatan, pengangkutan awam, pendidikan tidak harus diswastakan. Semua ini merupakan perkhidmatan asas yang wajib disediakan oleh Kerajaan untuk rakyatnya.

14.

AGIHAN KEKAYAAN DAN CUKAI KHAS KE ATAS MNC.

Kerajaan harus memastikan pada masa pandemik, agihan pendapatan dan jurang kekayaan tidak menjadi luas, malah harus diregulasi supaya kekayaan dapat dinikmati bersama. Kerajaan perlu melaksanakan kadar cukai kecemasan terhadap semua syarikat korporat multinasional (MNC) untuk menampung sebahagian kos dalam membekalkan bantuan kepada rakyat pada masa sekarang.

15.

ISYTIHAR DARURAT IKLIM

Hentikan projek yang memudaratkan kesihatan rakyat Malaysia seperti perlombongan bauksit, insinerator, loji nuklear dan lain-lain. Hentikan pengimportan sampah dari negara asing serta hentikan pembakaran tanah perladangan dan pembalakan, dan gunakan tenaga alternatif yang bersih dan murah.

Senarai Organisasi Yang Menyokong Tuntutan Hari Pekerja 2021:

1. Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN)
2. Amateur
3. All Women's Action Society
4. Association of Women Lawyers (AWL)
5. AU SOW YEE
6. Badan Bertindak Selamatkan Industri Padi dan Beras (Padi Rescue)
7. Centre for Independent Journalism (CIJ)
8. Demokrat UM
9. Demokrat UKM
10. Demokrat Kebangsaan
11. Diversity Malaysia
12. Family Frontiers

DEKLARASI 1 MEI 2021

Written by admin

Saturday, 01 May 2021 19:17 - Last Updated Saturday, 01 May 2021 19:26

13. Five Arts Centre
14. Freedom Film Network
15. Gabungan Peneroka Bandar Dan Perumahan
16. Gabungan Petani and Penternak
17. Gerakan Mahasiswa UPM (GMM)
18. Gerakan Pembebasan Akademik (GPA)
19. Good Samaritan Kuala Lumpur
20. Global Environment Centre
21. Greenpeace Malaysia
22. EMPOWER
23. HINDRAF Johor
24. In Between Cultura
25. International Women's Rights Action Watch Asia Pacific
26. Jaringan Pekerja Kontrak
27. Jaringan Penternak Nasional Marhain
28. Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT)
29. Jaringan Perumahan Kos Rendah P.Pinang
30. Kg. Bukit Kuda, Selangor
31. Jawatankuasa Bekas Penduduk Kg.Chekkadi Perak
32. Jawatankuasa Penduduk Kg.Chepor Perak
33. Jawatankuasa Penduduk Kg.Chubadak KI
34. Jawatankuasa Penduduk Kg. DBI Perak
35. Jawatankuasa Penduduk Kg. Hakka Mantin, Selangor

DEKLARASI 1 MEI 2021

Written by admin

Saturday, 01 May 2021 19:17 - Last Updated Saturday, 01 May 2021 19:26

36. Jawatankuasa Penduduk Kg. Jawa Klang, Selangor
37. Jawatankuasa Penduduk Kg. KTM Buntong, Perak
38. Jawatankuasa Penduduk Kg. Pinang, Pusing, Perak
39. Jawatankuasa Penduduk Kg. Pinang, Tjg.Malim, Perak
40. Jawatankuasa Penduduk KTM Sg.Buloh, Selangor
41. Jawatankuasa Penduduk Kg.Meru Tin
42. Jawatankuasa Penduduk Jinjang Selatan
43. Jawatankuasa Penduduk Perak Hydro
44. Jawatankuasa Penduduk Kg Bengali Perak
45. Jawatankuasa Penduduk Kg Lintang Perak
46. Jawatankuasa Penduduk Kg Gopal Perak
47. Jawatankuasa Penduduk Kg Bahari Perak
48. Jawatankuasa Penduduk Kg Belakang Shin Chung, Perak
49. Jawatankuasa Penduduk Kg Veerasamy, Perak
50. Jawatankuasa Penduduk Kg Kapor Perak
51. Jawatankuasa Penduduk Padang Jawa Klang, Selangor
52. Jawatankuasa Penduduk Kg.KI Tin Kalumbang Selangor
53. Jawatankuasa Penduduk Kg.India Pulau Carey Selangor
54. Jawatankuasa Penduduk Kg.Sri Tanjung, Dengkil, Selangor
55. Johor Yellow Flame (Jyf)
56. Justice for Sisters
57. Kelab Belia Gemilang Iskandar Puteri
58. Kesatuan Pekerja-Pekerja Swasta Perkhidmatan Sokongan Di Hospital-Hospital

Kerajaan Semenanjung Malaysia

59. KLSCAH Youth

60. Kuliayah Buku (KUBU)

61. KRYSS Network

62. Liberasi

63. LLG Cultural Development Centre

64. Mahasiswa Roket

65. Malaysia Muda

66. Malaysian Progressives in Australia

67. Misi Solidariti

68. National Union of Transport Equipment & Allied Industries Workers (NUTEAIW)

69. North South Initiative

70. Otai Reformis 1998

71. Parti Murba

72. Parti Sosialis Malaysia

73. Pemuda Sosialis

74. Persatuan Kebajikan Sosial Dan Pendidikan Progresif

75. Persatuan Kebajikan dan Sosial Rutraksha Negeri Sembilan

76. Persatuan Kesedaran dan Keadilan Iklim Malaysia (KAMY)

77. Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA)

78. Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM)

79. Persatuan Sahabat Wanita Selangor (PSWS)

80. Persahabatan Semparuthi

DEKLARASI 1 MEI 2021

Written by admin

Saturday, 01 May 2021 19:17 - Last Updated Saturday, 01 May 2021 19:26

81. Persatuan Tamil Neri Malaysia
82. Penempatan Jalan Reko Kajang Selangor
83. People Like Us Support Ourselves (PLUsoS)
84. Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia - GRASS MALAYSIA
85. Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH)
86. Pusat KOMAS
87. RUANG KOMUNITI P320
88. Sabah Women's Action-Resource Group
89. Sarawak Women For Women Society (SWWS)
90. Saya Anak Bangsa Malaysia (SABM)
91. Senthamizhar Peravai Malaysia (sepam)
92. Sisters In Islam
93. Suara Rakyat Malaysia (SUARAM)
94. SUSDEN Malaysia
95. Women's Aid Organisation
96. Women's Centre For Change
97. Young Democrats